# Dana Penyelidikan Penandaarasan (Benchmarking) untuk “Kurikulum dan Penilaian”

## 1. Objektif

Dalaman: menjalankan Penyelidikan Penandaarasan (Benchmarking) bertujuan memahami sama ada “Kurikulum dan Penilaian” Dong Zong memenuhi keperluan pasaran. Justeru, mengadakan perbandingan dengan “Kurikulum dan Penilaian” setaraf yang dianjur oleh institusi lain supaya mengetahui kekurangan pada “Kurikulum dan Penilaian” Dong Zong demi penambahbaikan masa depan.

Luaran: memberi maklumat berkaitan skop dan standard pada institusi berkaitan supaya mengenali “Kurikulum dan Penilaian” Dong Zong. Seterusnya meningkatkan kepercayaan badan akademik serta institusi berkaitan tentang “Kurikulum dan Penilaian” anjuran Dong Zong. Semoga saluran melanjutkan pelajaran bagi lepasan sekolah menengah persendirian Cina dapat diperluaskan, di samping kepercayaan masyarakat umum terhadap kualiti pendidikan sekolah menengah persendirian Cina turut dipertingkatkan.

## 2. Peraturan Berkaitan

2.1. Jangka masa: tempoh penyelidikan tidak melebihi setahun. Bagaimanapun, Unit Penyelidikan dan Pembangunan SMPC (lepas ini dikenali sebagai Unit R&D) boleh melanjutkan tempoh ini mengikut keadaan.

2.2. Tajuk Penyelidikan dan Pemohon: Terbuka kepada semua, ataupun boleh dicadangkan oleh bahagian-bahagian yang berkaitan, dan perlu mendapat kelulusan Unit R&D.

2.3. Prosedur Penyemakan (rujuk lampiran 1)

- 2.3.1 Cara penyemakan: Unit R&D akan melantik tiga (3) orang penyemak bagi menyemak pelan penyelidikan, mengenal pasti, dan memberi kelulusan.
- 2.3.2 Fokus penyemakan: penyemak akan menyemak kaitan pelan penyelidikan dengan kurikulum dan penilaian Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), disamping mempertimbangkan kebolehan serta prestasi pelaksanaan penyelidik, kepentingan skop penyelidikan, kesesuaian kandungan dan kaedah yang digunakan dalam projek penyelidikan serta jangkaan hasil dan pencapaian projek tersebut.

2.4. Dana:

- 2.4.1 Setiap projek penyelidikan akan diberikan dana tidak melebihi RM5,000.
- 2.4.2 Peruntukan kewangan adalah berdasarkan projek dan tiada keperluan untuk mengemukakan resit perbelanjaan individu.
- 2.4.3 Selepas kelulusan projek, 50% daripada dana penyelidikan akan diberikan. Selepas kelulusan laporan kajian keseluruhan oleh kumpulan penyemak, baki 50% akan dibayar.

2.4.4 Sekiranya terdapat unsur penipuan dan plagiarisme dalam projek penyelidikan, pihak pembiaya elaun akan menamatkan kontrak dan menutut pulangan elaun yang telah dibayar.

2.5. Kerangka laporan penyelidikan

2.5.1 Laporan penyelidikan mesti mengandungi sekurang-kurangnya sepuluh ribu (10,000.00) patah perkataan, tetapi perlu merangkumi (tidak terhad) kandungan berikut:

- Pendahuluan - Memperkenalkan dua jenis kursus, skop penyelidikan (matlamat, kandungan, pengajaran, penilaian)
- Kaedah penyelidikan - Menerangkan secara terperinci kaedah penyelidikan yang digunakan.
- Data dan analisis - Membandingkan dengan terperinci butir-butir kedua-dua jenis kursus.
- Kesimpulan dan cadangan - Menerangkan dengan terperinci kedudukan kursus Dong Zong selepas perbandingan, dan memberi cadangan untuk penambahbaikan kursus tersebut.
- Rujukan
- Lampiran data.

2.5.2 Laporan penyelidikan boleh merangkumi skop berikut (tetapi tidak terhad kepada):

- Tajuk dan objektif kursus:
  - Tajuk kursus.
  - Penempatan kursus.
  - Konsep dan idea kursus.
  - Matlamat kursus.
  - Mengesahkan perbezaan objektif kursus.
- Kandungan kursus:
  - Pengetahuan atau konsep utama.
  - Pengetahuan atau konsep sampingan.
  - Rujukan buku.
  - Struktur penyampaian kandungan.
  - Bilangan topik.
  - Bilangan waktu pengajaran.
- Strategi Pengajaran dan Pembelajaran:
  - Strategi pengajaran yang disyorkan.
  - Cadangan untuk latihan amali jika berkaitan.
  - Cadangan untuk pengajaran di luar bilik darjah.
  - Cadangan untuk eksperimen jika berkaitan.
  - Aktiviti pembelajaran pelajar yang utama.
  - Jumlah tugasan pelajar.
- Strategi Penilaian:
  - Cara / kaedah penilaian kursus.
  - Struktur penilaian kursus.
  - Skop penilaian kursus.
  - Kriteria penilaian.
  - Analisis jenis soalan.
  - Perbandingan pencapaian pelajar.

2.5.3 Objek perbandingan untuk kajian boleh dipilih (tetapi tidak terhad kepada):

- Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)
- International Baccalaureate (IB)
- International General Certificate of Secondary Education (IGCSE)
- O Level
- A Level
- Kurikulum dari Singapura, Taiwan, dan negara-negara Barat
- International English Language Testing System (IELTS)
- Test of English as a Foreign Language (TOEFL)

2.5.4 Semua bahan yang digunakan perlu dinyatakan sumbernya dengan jelas.

2.5.5 Hak cipta laporan kajian adalah milik pihak penaja dana.

2.5.6 Laporan kajian, kecuali kandungan yang sensitif atau melibatkan paten, hak cipta, atau harta intelek yang lain, akan diumumkan kepada orang awam dengan sebaik mungkin.

3. Tawaran dana ini tertakluk kepada interpretasi Unit R&D. Jika terdapat sebarang kekurangan, Unit R&D berhak menambah atau mengeluarkannya daripada tawaran tersebut.

4. Tawaran dana ini terlaksana mulai tarikh pengumuman.

Nota:

Tawaran dana ini akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2023 setelah diterima dan dilaksanakan oleh Unit R&D.

**Lampiran 1**

# Dana Penyelidikan Penandaarasan (Benchmarking) untuk "Kurikulum dan Penilaian"

## Prosedur Penyemakan

Pencadang / Penyelidik

↓ Membentangkan kertas cadangan kepada Unit R&D untuk perbincangan

Unit R&D membincang tajuk Penyelidikan Penandaarasan

- Diluluskan, disampaikan kepada penyemak
- Tidak diluluskan, kertas cadangan perlu dibentang semula

↓

Pencadang / Penyelidik membentang kertas cadangan yang terperinci → Penyemak membincang kertas cadangan

- Diluluskan, jumlah pembiayaan ditetapkan
- Tidak diluluskan, kertas cadangan perlu diperbaiki

↓

Unit R&D membayar 50% dana penyelidikan

↓

Menyempurnakan laporan penyelidikan penandaarasan → Penyemakan laporan oleh penyemak

- Lulus
- Tidak lulus, laporan perlu diperbaiki

↓

Unit R&D membayar baki 50% dana penyelidikan

↓

Tamat

Lampiran 2

# Borang Permohonan Dana Penyelidikan Penandaarasan (Benchmarking) untuk "Kurikulum dan Penilaian"

**Tajuk Kajian:**

**Nama Pemohon:** **(Cina, jika ada)**
**(Inggeris)**

**Unit/Sekolah:**

**Tarikh Permohonan:**

**Untuk Kegunaan Pejabat:**

<table>
<tr><td rowspan="3">Unit R&D</td><td colspan="2">☐ Lulus, disampaikan kepada penyemak</td></tr>
<tr><td colspan="2">☐ Perlu pengubahsuaian, dikembali kepada pemohon</td></tr>
<tr><td colspan="2">☐ Tidak lulus</td></tr>
<tr><td colspan="2">Tandatangan Ketua Unit R&D</td><td>Tandatangan Ketua Bahagian Setiausaha</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Kumpulan Penyemak</td><td colspan="2">☐ Lulus, cadangan pembiayaan: RM</td></tr>
<tr><td colspan="2">☐ Perlu pengubahsuaian, dikembali kepada pemohon</td></tr>
<tr><td colspan="2">☐ Tidak lulus</td></tr>
<tr><td colspan="2">Tandatangan Ketua Penyemak</td><td>Tandatangan Ketua Bahagian Setiausaha</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Penyemakan laporan akhir</td><td colspan="2">☐ Laporan diterima</td></tr>
<tr><td colspan="2">☐ Laporan perlu pengubahsuaian, dikembali kepada penyelidik</td></tr>
<tr><td colspan="2">Tandatangan Ketua Penyemak</td><td>Tandatangan Ketua Bahagian Setiausaha</td></tr>
</table>

*(Dikemaskini pada 4 Februari 2025)*

## Maklumat Permohonan:

| No. | Butiran Pemohon | |
|---|---|---|
| 1. | Nama Pemohon | (Cina, jika ada) |
| | | (Inggeris) |
| 2. | Jawatan | |
| 3. | Unit/Sekolah | |
| 4. | Alamat | |
| 5. | Telefon | |
| 6. | Emel | |
| | Pelan Penyelidikan | |
| 7. | Skop (rujuk 2.5) . | |
| 8. | Tajuk | |
| 9. | Jangka masa | Mula: hari/ bulan/tahun – tamat: hari / bulan / tahun |
| 10. | Penyelidik lain (jika ada) | |
| | Kandungan kertas cadangan | |
| 11. | Rumusan (tidak melebihi 300 patah perkataan) | |
| 12. | Latar belakang kajian | |
| 13. | Objektif kajian | |
| 14. | Metodologi kajian | |
| 15. | Data yang diperlukan daripada pihak Dong Zong | |
| | Carta Gantt | |
| 16. | (see Gantt chart below) | |
| | Semakan (perlu sekiranya kertas cadangan perlu pengubahsuaian) | |
| 17 | Pengubahsuaian Pertama | |

Item 16 — Carta Gantt:

| bulan / aktiviti | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | | | | | | | | | | |
| 2. | | | | | | | | | | |
| 3. | | | | | | | | | | |
| 4. | | | | | | | | | | |
| 5. | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |

| | | |
|---|---|---|
| | Pengubahsuaian Kedua | |
| | Pengubahsuaian Ketiga | |